

# Program KRIS HUMS di Kg Serudung Baru dapat sambutan ramai

Oleh Hamzah Sanudin  
UB 15.12.2021 P.02

TAWAU: Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) berjaya menganjurkan Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) edisi ketujuh di Kampung (Kg) Serudung Baru, di sini.

Program yang mendapat kerjasama dan dana Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) itu bertujuan menyediakan perkhidmatan perubatan khususnya untuk penduduk di luar bandar.

Pegawai Kanan IT Hospital UMS, Mohd Nizar Hamild berkata, sebanyak tujuh perkhidmatan perubatan yang disediakan dalam program di Kampung Serudung Baru.

"Antaranya, saringan kesihatan, konsultasi pegawai perubatan, preskripsi ubat-ubatan percuma, pemeriksaan gigi, pemeriksaan mata, pemeriksaan khas wanita dan bicara kesihatan mental.

"Semua perkhidmatan itu disediakan secara percuma untuk penduduk kampung supaya mereka dapat memeriksa tahap kesihatan mereka," katanya.

Beliau yang juga penyelar program berkata, KRIS mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada penduduk kampung di sini.

"Dalam program ini juga, pihak KKM turut menyediakan promosi kesihatan per-



LAWAT: Hamild (duduk tengah) semasa hadir dalam program tersebut.

gigian kepada kanak-kanak di kampung tersebut.

"Seramai 132 orang termasuk kanak-kanak di kam-

pung ini telah menerima pelbagai rawatan sempena program tersebut dijalankan," katanya.

Penyelia program, Dr Teuh Yoke Sim pula berkata, program KRIS bermula dari bulan Julai di Kampung Wa-

sai, Tuaran.

"Ia kemudian diteruskan di enam lagi kampung termasuklah Kg. Raganan (Kiulu), Kg Parapat Laut (Kudat), Kg Malubang (Pitas), Kg Sorinsim (Kota Marudu), dan Kg Layang-Layangan (Labuan) dan Kg Serudung Baru (Tawau).

"Program itu dijalankan disebabkan HUMS dijangka akan dibuka kepada orang ramai pada penghujung tahun 2022," katanya.

Menurutnya, program KRIS ini menyasarkan semua 21 daerah di negeri Sabah dalam tempoh 24 bulan beroperasi.

"Destinasi seterusnya ialah di Kg Tagudon Lama, yang

dijangka diadakan pada 22 Januari 2022," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Balung, Hamild Awang yang hadir dalam program tersebut menyambut baik inisiatif HUMS memberikan rawatan percuma kepada penduduk kampung.

Hamild berkata, pihaknya kagum dengan dedikasi yang ditunjukkan oleh kakitangan HUMS dan sukarelawan yang sanggup datang demi kesihatan penduduk di sini.

"Saya berharap program ini dapat diteruskan lagi supaya penduduk kampung terutamanya di kawasan luar bandar turut mendapat rawatan yang terbaik," katanya.